

Elak terpengaruh fahaman luar - Tengku Abdullah

PEKAN 6 Julai - Golongan mahasiswa diingatkan supaya terus berpegang kepada ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah dan tidak terpengaruh dengan fahaman dibawa pihak luar yang boleh membawa kemudaratan kepada mereka.

Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah bertitah, golongan berkenaan termasuk penuntut **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** perlu mempertahankan akidah mereka dengan mendalami ilmu agama Islam.

“Saya sendiri mendengar, membaca dan dimaklumkan tentang masalah dalam kalangan penuntut di universiti lain. Saya berharap penuntut di UMP tidak terpengaruh dengan ajaran yang tidak selari dengan agama Islam dan tidak seiring dengan kehendak ahli lembaga serta canselor universiti.

“Saya hendak menegaskan, kita perlu mengamal dan meningkatkan ilmu kita dalam soal ajaran agama Islam berdasarkan ajaran Ahli Sunnah Wal Jamaah,” titah baginda dalam Majlis Pelancaran Pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah dan Sambutan Hari Raya Aidilfitri di UMP Kampus Pekan, di sini hari ini.

Berangkat sama Tengku Puan Pahang, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah.

Yang turut hadir Timbalan Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (Muip), Datuk Seri Wan Abdul Wahid Wan Hassan; Pengerusi Lembaga Pengarah UMP, Datuk Seri Mohd. Hilmei



TENGGU ABDULLAH SULTAN AHMAD SHAH diiringi Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah ketika merasmikan Majlis Pelancaran Pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah dan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri di UMP Kampus Pekan, Pahang; semalam. - UTUSAN/MAHATHIR ALI

Mohd. Taib; Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dan Ahli Lembaga Pengarah universiti tersebut, Datuk Ahmad Azmey Abu Talib.

Dalam majlis tersebut, baginda turut mengemukakan pelantikan Tunku Azizah Maimunah sebagai Pro Canselor UMP yang baharu bagi menggantikan Tan Sri Mohd. Khamil Jamil.

Berhubung pembinaan Kolej Kediaman Mawaddah berdasarkan konsep wafak, Tengku Abdullah yang juga Canselor UMP bertitah, amalan sedemikian sememangnya digalakkan oleh

Muip.

“Wafak tunai memberi peluang kepada masyarakat men-donorkan mewakili diri sendiri, ahli keluarga, saudara mara atau individu yang meninggal dunia sebagai pelaburan sepanjang hayat demi kesejahteraan ummah,” ti-tah baginda.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, pembinaan bangunan asrama dua tingkat dengan keluasan lantai 3,115 meter persegi itu akan dimulakan pada tahun ini dan dijangka siap pada 2018.

Beliau berkata, selain menyediakn kemudahan penginapan

untuk 220 mahasiswa, bangunan Kolej Kediaman Mawaddah itu apabila siap kelak turut dilengkapi dengan kemudahan lain seperti dewan makan, ruang serba guna dan pejabat pentabir-an.

“Sesuai dengan semangat asal yang mendasari idea pembangunannya, para mahasiswa daripada kalangan anak yatim dan asnaf yang diberi kemudahan tempat tinggal di Kolej Kediaman Mawaddah akan dkecualikan daripada caj yuran penginapan sepanjang penginapan mereka di UMP,” katanya.